

Pengguna Muslim perlu utama produk halal

Produk halal sememangnya mendapat permintaan yang tinggi di Malaysia kerana sebahagian besar masyarakatnya beragama Islam dan mencari yang halal itu wajib bagi setiap individu Muslim.

Namun begitu, halal semata-mata tidak mencukupi kerana apa yang perlu dititikberatkan adalah aspek halal yang mana proses penghasilan sesuatu produk itu bukan sahaja suci dari sudut jasmaninya malahan juga suci dari sudut rohaninya.

Halal membawa maksud makanan yang dibenarkan atau diberi kebenaran untuk dimakan, bergantung kepada Undang-Un-

dang Syariah selagi ia selamat dan tidak memudaratkan. Haram atau tidak halal, adalah berlawanan dengan halal di mana ia bermaksud sesuatu yang dilarang atau ditegah.

Sebarang makanan atau minuman yang berada dalam bahagian yang samar dan tidak secara langsung berada dalam kategori halal atau tidak halal dikategorikan sebagai syubhah, merujuk kepada was-was atau disangsikan.

Setiap Muslim wajib mengambil makanan yang halal dan menggunakan produk halal kerana mereka bukan sekadar makan dan menggunakan barangan

**“
Setiap Muslim wajib mengambil makanan halal dan menggunakan produk halal kerana mereka bukan sekadar makan tetapi menjalankan kewajipan sebagai seorang Muslim”**

untuk keseronokan tetapi menjalankan kewajipan sebagai seorang Muslim.

Menurut Islam, prinsip umum berhubung makanan ialah semua adalah halal kecuali kotoran (atau sudah bercampur kotoran), memudaratkan dan memabukkan.

Amalkan pemakanan sihat

Oleh itu, adalah wajib bagi Muslim memakan makanan yang baik dan menyihatkan serta mengelakkan semua yang dilarang seperti yang dinyatakan Allah SWT dalam al-Quran.

Selain daripada memastikan kebersihan makanan, Islam melarang penggunaan bahan yang memudaratkan kesihatan mental atau rohani seseorang, seperti penggunaan alkohol dan dadah. Memandangkan agama Islam

sentiasa menggalakkan pengikutnya memilih makanan halal, baik dan bersih, kesedaran ini sering disebarkan dalam komuniti Islam.

Kesedaran ini diperkukuhkan dengan ilmu yang tersebar luas, dengan memuji kebaikan mengambil makanan yang bersih dan halal serta hubungannya dengan amalan ibadat seharian.

Masyarakat Islam seharusnya tidak sewenang-wenangnya membeli barang dengan hanya melihat nilainya yang murah dan berpatutan, sebaliknya mementingkan aspek halal dan kesucian barangan berkenaan.

Muhammad Khairul Akmal Mohd Sobri,
Universiti Sains Islam Malaysia